

Boleh timbulkan iri hati Kerja bertindih: Dr. M gesa dicari formula

PORT DICKSON, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru dicari satu formula mengatasi berlakunya timbul tindih (overlapping) tugas antara ahli-ahli politik dengan pegawai tadbir menjalankan peranan masing-masing.

Katanya, timbul tindih tugas antara pihak pengubal dasar dengan pihak yang melaksanakan peranan akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan seterusnya menjejaskan kelicinan sesuatu projek pembangunan.

Timbul tindih ini juga berlaku kerana tidak adanya sempadan yang nyata antara dasar dengan pelaksanaan, kata beliau ketika merasmikan seminar politik dan

Oleh RADZI MUSTAPHA

pentadbir Negeri Sembilan di Hotel Federal, di sini, hari ini.

Kata beliau, sistem pentadbiran yang diamalkan di negara ini dianggotai oleh pegawai tadbir yang kekal dan pemimpin politik yang tidak kekal.

Kegagalan

Katanya, pemimpin politik adalah dipilih oleh rakyat dengan hasrat ia akan mengarahkan pegawai tadbir menjalankan segala permintaan yang dibuat oleh rakyat.

Segala kegagalan pemimpin politik akan menjejaskan kedudukannya dan akan dibuang oleh rakyat dalam pilihanraya

yang diadakan lima tahun sekali tetapi berlainan dengan pegawai-pegawai tadbir.

Justru itu, pemimpin politik, sentiasa menghendakkan sesuatu rancangan itu dijalankan dengan segera dan ada kalanya mereka mencero bohi ataupun menjalankan tugas-tugas pegawai tadbir dan ini mengakibatkan salahfaham kedua pihak, kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan ada pula pihak pegawai tadbir yang menjalankan urusan pemimpin politik dan ini juga menimbulkan rasa irihati pemimpin politik berkenaan.

Menurut beliau, rasa tidak puas hati dan salahfaham ini tentu akan menjejaskan kelicinan pelaksanaan projek-projek yang telah dirangkaikan.

Bellau berharap seminar antara ahli-ahli politik dan pegawai tadbir yang diadakan di Negeri Sembilan ini dapat dibuat di negeri-negeri lain dan di peringkat Persekutuan untuk mencari satu jalan keluar mengatasi masalah timbul tindih tugas ini.

Katanya, pembangunan dan kemajuan yang telah dicapai sekarang telah meningkatkan kemampuan rakyat untuk berfikir, bersuara dan bertindak dengan cara sofistikated.

Menurutnya, suasana arena politik kini semakin kompleks dan mengakibatkan kepimpinan politik terpaksa dipertingkatkan lagi peranannya dalam pentadbiran negara.

Kepakaran

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata sistem pentadbiran pembangunan negara merupakan perimbangan antara kepimpinan politik dan kepakaran pentadbir mengikut lunas-lunas dan prinsip undang-undang dan perimbangan samarata.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia